

Nazri isytihar perang terhadap Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, semalam mempersoalkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang sanggup merendahkan kedudukannya sebagai bekas Presiden Umno untuk bersekongkol dengan pembangkang yang pernah menggelarnya Firaun.

Sehubungan itu, beliau mengisytiharkan perang terbukanya dengan Dr Mahathir dan menyarankan bekas Perdana Menteri itu menyertai pembangkang jika ingin terus mengkritik kerajaan.

"Pembangkang tidak menimbulkan sebarang masalah kepada kami. Beliau (Dr Mahathir) yang menimbulkan masalah. Pembangkang kini lemah, tetapi beliau pula yang membangkang.

"Sekarang duduk dalam parti pun macam pembangkang, lebih baik jadi jantan, keluar dan bangkang kita terus dan senang saya nak hentam. Sekarang kalau nak lawan dia, saya teragak-agak kerana dia bekas presiden kita (Umno)," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen.

Sidang media itu diadakan bagi menjawab kritikan terbaru Dr Mahathir terhadap kerajaan pada majlis

“ *Sekarang duduk dalam parti pun macam pembangkang, lebih baik jadi jantan, keluar dan bangkang kita terus dan senang saya nak hentam”*

Nazri Aziz

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

dialog anjuran gabungan badan bu-
kan kerajaan (NGO) dan Rakan Me-
dia Alternatif di Kelab Century Para-
dise, Taman Melawati, Sabtu lalu.

Hadir sama pada majlis itu ialah empat pemimpin kanan Pas - Tim-
balan Presiden, Nasharudin Mat Isa;
Naib Presiden, Datuk Husam Musa;
Ketua Pemuda, Salahuddin Ayub dan
Ahli Jawatankuasa Pusat Mahfuz
Omar.

Turut hadir ialah Bendahari Parti
Keadilan, Rahman Osman, Ketua Pe-
nerangan DAP, Ronnie Liu, bekas men-
teri pusat dan bekas Ketua Penera-
ngan Umno, Tan Sri Megat Junid Me-
gat Ayob dan bekas Ketua Pegawai
Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri
Mahaleel Ariff.

Nazri berkata, beliau hairan ke-
napa Dr Mahathir sanggup berkongsi
platform dengan orang sama yang
pernah menyerang dan menggelar-
nya Firaun serta mahu menghancu-
rkan Umno.

"Malah, Dr Mahathir memperle-
kehkan Islam Hadhari di depan pe-
mimpin Pas. Menyerang Islam Had-
hari adalah taktik murahan untuk
menarik sokongan Pas," katanya.

Beliau berkata, Umno bagaimana-
pun tidak terlintas untuk membuang
bekas presidennya dan percaya de-
sas-desus itu dimulakan Dr Mahathir
sendiri selepas menyedari tindakan-
nya menghentam kerajaan sebagai
kesalahan besar.

"Saya fikir beliau sedar apa yang
dilakukannya adalah dosa besar dan
diaunggu masa untuk dibuang. Kita
dalam Umno tidak langsung terfikir
nak buang dia, agaknya dia makan
cili, dia rasa pedas. Kalau nak keluar
pun tak halang," katanya.

Nazri berkata, beliau kecewa ke-
rana Dr Mahathir melanggar segala
janji dengan kerajaan sekarang dan
nasihat yang pernah diberikannya
kepada pemimpin Umno lain sebe-
lum melepaskan jawatan kepada Da-
tuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.




TURUT SERTA: Antara yang menghadiri majlis dialog bersama Tun Dr Mahathir (gambar bawah), Sabtu lalu, ialah (dari kiri) Nasharuddin, Husam, Salahuddin, Rahman (dua dari kanan) dan Mahfuz. Turut kelihatan Datuk A Kadir Jasin dan Datuk Ruhanie Ahmad.

Nazri bidas sikap Dr Mahathir cepat lupa

DARI MUKA 1

"Saya tidak faham, dulu bekas Perdana Menteri dan Presiden Umno kita menangis cakap Melayu mudah lupa. Sekarang siapa lupa? Melayu lupa atau dia lupa? Dia nasihat dulu sayanglah parti, jangan sokong dia secara peribadi tetapi sokong sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Dulu dia kata ikut Presiden, sekarang dia marah Datuk Seri Najib Razak sebab ikut apa saja yang Presiden cakap. Dulu apabila Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Musa (Tun Musa Hitam) lawan dia, dia buang, dia marah. Sekarang bila Datuk Seri Najib sokong Pak Lah dia marah. "Nampaknya dia dulu tak ikhlas.



8H-27/6/2006
 Saya fikir air mata yang keluar dulu palsu saja" katanya merujuk peristiwa Dr Mahathir menangis ketika mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan.

Nazri juga menjelaskan, Abdullah tidak akan menjawab persoalan yang dibangkitkan Dr Mahathir kerana menjaga adab ketimuran, lebih-lebih lagi perkara berkenaan sudah dijawab menteri atau pengurusan syarikat berkaitan.

Sebaliknya, katanya, beliau akan sentiasa menjawab kritikan bekas Perdana Menteri itu terhadap kerajaan supaya rakyat tahu perkara sebenar.

"Ini berbeza dengan Tun dulu, dia jawab semua. Dia ada kecenderungan diktator, sebab itu dia jawab semua tetapi Perdana Menteri amalkan si-

kap liberal dan beri kepercayaan kepada Menteri atau pentadbiran syarikat jawab," katanya.

Beliau turut mempertahankan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, yang didakwa menjadi sasaran Dr Mahathir.

"Saya tidak boleh menerima hanya kerana beliau (Dr Mahathir) marahkan seorang yang muda, dia sanggup membakar seluruh parti. Tidak ada apa yang tidak kena dengan dia (Khairy).

"Orang berusia 81 tahun nak bergaduh dengan orang muda berusia 31 tahun, carilah lawan lain yang sesuai," katanya sambil menyanggah dakwaan beliau dan menteri lain mengikut telunjuk Khairy.